

16/11/1997

Umno Sabah bantah tindakan 27 ahli Kongres

KOTA KINABALU: Badan Perhubungan Umno Sabah semalam mengambil ketetapan bersama menentang keputusan 27 ahli Kongres Amerika Syarikat (AS) yang meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan dan memohon maaf berhubung isu yang mengaitkan Yahudi dengan masalah ekonomi serantau.

Pengerusi badan itu, Datuk Seri Panglima Osu Sukam berkata, tindakan ahli Kongres berkenaan adalah campur tangan dalam urusan negara luar yang berdaulat dan merdeka.

"Adalah jelas, anggota Kongres tidak senang dengan kenyataan pemimpin (Dr Mahathir) yang tidak sealiran dengan pendirian pentadbiran Amerika Syarikat (yang menyokong tindakan Yahudi di Palestin).

"Sikap talam dua muka AS semakin jelas apabila membenarkan syarikat televisyen CNN (milik rakyat AS) beroperasi di Iraq sedangkan apabila Petronas dan syarikat minyak lain membuat pelaburan di Iran, pentadbiran mereka mahu mengenakan sekatan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Sabah di Ibu Pejabat Umno Sabah di sini semalam.

Osu berkata, Umno Sabah turut mengulangi pendirian menyokong dan berdiri teguh di belakang kepimpinan Perdana Menteri dalam menghadapi cabaran dan masalah ekonomi yang melanda negara sekarang.

(END)